

Penggubalan Kamus Bahasa Melayu Islamik: Satu Proses Pengislaman Ilmu Dalam Bahasa Melayu

The Buliding Of Islamic Malay Language Dictionary: A Process Of Knowledge Islamization In Malay Language

Abd Ganing Laengkang¹

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memberikan perincian ringkas tentang konsep dan ciri-ciri kamus umum bahasa Melayu Islamik bagi meneruskan kaedah perkamusan Kitab Pengetahuan Bahasa (KPB), karangan Raja Ali Haji pada tahun 1858. Berdasarkan tinjauan, sejak penulisan KPB, pengkaji tidak menemui sebuah kamus umum yang meneruskan tradisi perkamusan Raja Ali Haji. Banyak perkataan pinjaman Sanskrit yang berunsurkan Hindu/Budha, seperti puasa, dosa, syurga, neraka, sembahyang, raja telah digunakan dalam ajaran Islam. Selain itu, kata umum bahasa Melayu, seperti makan, minum, udang, sampah, gurau dan sebagainya boleh didefinisikan sesuai dengan nilai-nilai Islam melalui melalui pembinaan Kamus Bahasa Melayu Islamik (KBMI). Makna bagi setiap kata serapan asing dan kata-kata umum bahasa Melayu perlu diberikan definisi yang jelas berdasarkan nilai-nilai Islam. Oleh itu, KBMI ini perlu dibina sebagai satu proses utama Islamisasi ilmu dalam bahasa Melayu. Tujuan utama penggubalan KBMI adalah untuk membebaskan perkataan-perkataan dan istilah-istilah bahasa Melayu daripada definisi sekular, kemudian setiap perkataan tersebut didefinisikan berdasarkan nilai-nilai Islam. KBMI berupaya membawa pengguna kamus kepada pengukuhan keimanan, ketakwaan, amalan ibadah dan pengukuhan akhlak yang tinggi.

Kata Kunci: *Kamus Bahasa Melayu Islamik, Islamisasi ilmu dan Bahasa, keimanan dan ketakwaan.*

ABSTRACT

This research intends to show the brief details of the concept and the characteristics of Malay Islamic Dictionary in order to continue the lexicography method of Kitab Pengetahuan Bahasa (KPB), written by Raja Ali Haji in 1858. Based on the research, since KPB has been written, researcher cannot find a general dictionary that follows the Raja Ali Haji's lexicography method. There are a lot of words borrowed from Sanskrit such as puasa, dosa, syurga, neraka, sembahyang and raja used in Islam. Besides that, Malay language words such as makan, minum(drinks), udang (prawn), sampah (rubbish) and gurau (joke) can be assimilate with Islamic teaching with the production of Islamic Malay Dictionary (KBMI). The meaning of each foreign loan words and common words of Malay language should be given a clear definition based on the values of Islam. Therefor, KBMI must be produced as an important process in the islamisation of knowledge in Malay language. The major objective of the production of KBMI is to liberate the words and terms in Malay language from secularism definition. Those words in Malay will be defined based on Islamic values. KBMI will be able to bring its users to have a stronger faith and morals according to Islamic religion.

¹ Abd Ganing Laengkang, calon Ph.D, Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. E-mel: abdulganing@kuis.edu.my.

Keyword: *Islamic Malay Dictionary, Islamization of knowledge and language, keimanan and ketaqwaan.*

Pengenalan

Menurut Muhammad Syed Naquib al-Attas, bahasa amat berkait rapat dengan ilmu dan pandangan hidup manusia. Hal ini kerana bahasa merupakan wahana pemikiran dan ilmu (vehicle of thought), manakala ilmu dan pemikiran pula merupakan kandungan bahasa (content of language) (Hashim Musa, 2004). Ilmu dan pemikiran terbentuk daripada unit-unit makna perkataan. Dengan perkataan lain, himpunan makna perkataan akan membentuk sebuah pemikiran dan pandangan hidup manusia. Dalam konteks inilah, makna sesuatu perkataan perlu dipelihara agar dapat mengelak daripada penyimpangan makna yang boleh mengubah nilai sesebuah pemikiran dan pandangan hidup masyarakat. Kamus memainkan peranan penting dalam memelihara makna sesuatu perkataan daripada mengalami perubahan. Raja Ali Haji (1858) melalui *Kitab Pengetahuan Bahasa* telah memelihara tujuh perkataan utama yang menjadi asas pandangan hidup Islam di alam Melayu daripada mengalami perubahan makna. Tujuh perkataan tersebut ialah *Allah, Ahmad (Muhamamd), as-hab (para sahabat), akhbar (ualama-ulama besar), insan, al-dunia, dan al-akhirat*. Makna Ketujuh-tujuh perkataan ini terpelihara dalam Kamus bahasa Melayu pertama di alam Melayu, iaitu *Kitab Pengetahuan Bahasa* karangan Raja Ali Haji. Dalam konteks inilah, pengkaji mencadangkan penggubalan sebuah Kamus Bahasa Melayu Islamik (KBMI) dalam usaha memelihara pandangan hidup Islam dalam bahasa Melayu.

Cadangan asal penggubalan KBMI dikemukakan oleh pengkaji dalam *Persidangan Kebangsaan Isu-isu pendidikan Islam*, dianjurkan oleh Persatuan Intelektual Muslim Malaysia dan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, pada 21 dan 22 Mei 2016. Dalam kertas kerja tersebut, pengkaji berpendapat bahawa KBMI perlu dibina sebagai satu usaha untuk menghadapi proses sekularisasi ilmu, dan dalam masa yang sama mengukuhkan proses islamisasi ilmu dalam bahasa Melayu. Pengkaji turut menyeru agar meneruskan tradisi perkamusan bahasa Melayu yang telah dirintis oleh Raja Ali Haji melalui kamus ekabahasa beliau yang bertajuk *Kitab Pengetahuan Bahasa* kerana kitab ini dilihat oleh Hashim Musa (2004) sebagai satu kamus yang menepati tradisi perkamusan yang diamalkan ilmuwan Islam terdahulu. Namun demikian, menurut beliau, tidak ada usaha yang dilakukan untuk meneruskan tradisi perkamusan tersebut. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk memperincikan maksud KBMI yang akan dibina dan sekali gus memberikan gambaran tentang konsep dan ciri-ciri asas pembinaan kamus islamik.

Sejarah Ringkas Kamus Ekabahasa di Alam Melayu

Menurut Ibrahim Hj Ahmad (2015:35-46) melalui buku beliau yang bertajuk *Asas Perkamusan Melayu*, terdapat dua pandangan apabila menyelusuri sejarah perkamusan bahasa Melayu. Pendapat pertama mengatakan bahawa sejarah perkamusan bahasa Melayu bermula pada abad ketujuh, dan abad kelapan. Hal ini dapat dilihat melalui kamus bahasa Sanskrit-Jawa Kuno, yang dikenali sebagai *Candrakarana* atau *amaramala*. Naskhah *Candrakarana* atau *amaramala* ini bersifat daftar kata bahasa Sanskrit yang diberi padanan dalam bahasa Jawa Kuno. Pandangan kedua pula mengatakan sejarah perkamusan bahasa Melayu bermula pada abad ke-15. Pendirian ini berdasarkan hakikat bahawa sebelum abad ke-19, tidak ada tradisi dalam kalangan orang Melayu menyenaraikan perkataan dan memberi

makna kepada perkataan. Contohnya, daftar kata Melayu-Cina yang dikumpul antara tahun 1403-1511 adalah bukan hasil orang Cina Malaysia, sebaliknya orang Cina di China. Begitu juga dengan daftar kata Itali-Melayu yang disusun oleh Antonio Figafetta pada tahun 1522. Daftar kata Itali-Melayu ini dikenali sebagai *Vocaboli De Quedti Popolo Mori* dan terdiri daripada 426 daftar kata.

Dalam konteks penyusunan kamus ekabahasa, *Kitab Pengetahuan Bahasa* karangan Raja Ali Haji dianggap sebagai kamus ekabahasa tertua di alam Melayu. Ia dihasilkan hampir 160 tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1858. Selepas *Kitab Pengetahuan Bahasa*, muncul pelbagai kamus ekabahasa, seperti (i) *Kamus al-Muhammadiyah*, disusun oleh Syed Muhmmud Syed Abd Kadir (1894), (ii) *Kamus Melayu*, disusun oleh Samsudin Muhamad Yunus (1920), (iii) *Kamus Angkatan Baru*, disusun oleh Harun Muhammad Amin (1951), (iv) *Kamus Am Bahasa Melayu*, disusun oleh Che Yusof Ahmad *et.al* (1957), (v) *Kamus Bahasa Melayu*, disusun oleh Winstedt (1960), (vi) *Kamus Dewan*, disusun oleh DBP (1970 dan dikemas kini hingga kini), (vii) *Kamus Bahasa Melayu Edisi Pelajar (1975)* dan dikemas kini dengan nama baharu *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia* (1987), (viii) *Kamus Rendah Dewan Bergambar*, oleh DBP (1989), (ix) *Kamus Bahasa Melayu Edisi Kedua*, oleh Arbak Othman (1999), (x) *Kamus Am*, diterbitkan oleh *Crescent News* (1995), (xi) *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, oleh Zainal Abidin Zafarwan (1995), (xii) *Kamus Melayu Global*, oleh Hassan Hamzah (1996) dan (xiii) *Kamus Za'ba*, diterbitkan oleh *Pustaka Antara* (2001).

Berdasarkan senarai kamus ekabahasa yang disebutkan di atas, tinjauan mendapati bahawa KBMI tidak diberi perhatian. Oleh itu, pengkaji memberikan konsep dan ciri-ciri asas perkamusan Islamik sebagai langkah pertama membina KBMI dan sebagai satu usaha meneruskan tradisi Perkamusan *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang diasaskan oleh Raja Ali Haji. Usaha ini selaras dengan cadangan Hashim Musa (2004) yang menyerlahkan *Kitab Pengetahuan Bahasa* sebagai karya Raja Ali Haji yang menepati tradisi keserjanaan Islam.

Konsep Kamus Melayu Islamik

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:667) mendefinisikan *kamus* sebagai buku yang mengandungi kata-kata (yang disusun menurut abjad) dengan keterangan mengenai makna perkataan. Manakala perkamusan pula perkara-perkara yang berkaitan dengan kamus, seperti penyusunan kamus dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Menurut Ibrahim Haji Ahmad (2015:2), perkataan kamus berasal daripada bahasa Arab, iaitu *qamus*, dengan bentuk jamak “qawamis”, perkataan Arab itu berasal daripada bahasa Yunani “okeones”, bererti lautan. Dari segi konsep, Ibrahim Hj Ahmad memetik tujuh konsep tentang kamus yang dimuatkan dalam buku beliau, bertajuk *Asas Perkamusan Melayu*. Antaranya definisi yang diberikan oleh *The American College Dictionary* (1960), *Kamus Linguistik* Susunan Harimurti (2008), dan Jackson (1988). *The American College Dictionary* mendefinisikan kamus sebagai kamus ialah buku yang berisi pilihan kata-kata sesuatu bahasa, atau sesuatu kelas kata, biasanya disusun mengikut abjad dengan penjelasan makna serta maklumat lain yang dinyatakan atau dilahirkan dalam bahasa yang sama atau dalam bahasa lain.

Kamus Linguistik pula mendefinisikan *kamus* sebagai buku rujukan yang memuatkan daftar kata dengan keterangan pelbagai makna dan penggunaan dalam bahasa, biasanya mengikut abjad. Manakala Jackson (1988:36) mengatakan bahawa kamus merentasi pelbagai disiplin yang mencakupi ilmu tentang butir kosa kata bersama-sama dengan makna dan evolusinya. Kamus juga merupakan cabang ilmu yang mengkaji hubungan bahasa dengan

masyarakat, analisis terhadap binaan bahasa yang lebih besar daripada ayat untuk mencari ujaran yang ada persekitaran yang serupa, kajian bahasa berdasarkan pandangan pengguna, terutamanya pilihan yang dibuat, halangan yang dihadapi dan kesan penggunaan bahasa ke atas orang lain dalam lakuan komunikasi, kejadian sumber dan sejarah kata. Ini bermakna kamus boleh juga ditafsir sebagai wadah kata sesuatu bahasa. Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *kamus* ialah sebuah buku yang menyenaraikan perkataan dalam sesuatu bahasa atau beberapa bahasa dengan pelbagai kategori (sama ada kamus umum atau kamus khusus yang mengikut bidang ilmu tertentu) untuk diberikan definisi atau makna yang tepat dan boleh dipertanggungjawabkan. Kamus ini penting untuk memperjelas, memperkukuh dan memelihara makna sesuatu perkataan daripada perubahan.

Pembakuan bahasa bermaksud penyeragaman bahasa dari segi ejaan, sebutan, makna, istilah dan tatabahasa. Penyusunan sesebuah kamus merupakan bahagian utama dalam proses pembakuan bahasa, khususnya penyeragaman ejaan dan makna. Oleh sebab kamus merupakan himpunan perkataan yang diberi makna, maka definisi “makna” itu perlu diperjelas terlebih dahulu. Hal ini kerana pemaknaan sesuatu perkataan merupakan tumpuan utama dalam kegiatan perkamusian. Menurut Hashim Musa (2006:12), *makna* ialah gambaran akal yang memberikan pengenalan tentang kedudukan dan tugas sesuatu perkara dalam sesuatu sistem yang diperoleh apabila hubungan perkara itu dengan yang lain-lain dalam sistem itu dapat dijelaskan dan difahami. Makna juga boleh dianggap sebagai rujukan atau denotasi bagi sebarang tanda atau simbol yang boleh terdiri daripada pelbagai jenis misalnya bentuk, gerak-geri, bunyi dan lain-lain termasuklah bahasa.

Dalam konteks pembinaan sebuah KBMI, penyeragaman sebutan dan makna amat penting agar ia dapat memelihara maksud sesuatu perkataan yang menjadi unit-unit ilmu dan pandangan hidup. Ilmu merupakan himpunan unit-unit makna perkataan (Hashim Musa, 2006). Oleh itu, makna sesuatu perkataan perlu ‘diikat’ dengan kemas agar dapat membina ilmu dan pandangan hidup yang betul. Jika makna sesuatu perkataan itu mengelirukan, maka ilmu yang dibentuk dalam minda juga akan mengelirukan dan menyesatkan. Sebagai contoh, jika makna *Allah* mengalami perubahan akibat tidak dipelihara dalam kamus, perkataan *Allah* itu akan terdedah kepada perubahan makna, dan hal ini boleh menyebabkan kekufuran. Kamus berperanan memelihara makna dan sekali gus memelihara kebenaran ilmu. Dalam konteks inilah, pembinaan sebuah kamus islamik dilihat sebagai satu keperluan untuk memelihara ilmu Islam daripada menyesatkan ummat, termasuklah kamus islamik berbahasa Melayu. Oleh itu, di sini pengkaji mengemukakan konsep KBMI seperti berikut:

Kamus Bahasa Melayu Islamik ialah kamus yang membebaskan perkataan-perkataan bahasa Melayu daripada cengkaman makna sekularisasi dengan mendefinisikan perkataan-perkataan bahasa Melayu berdasarkan sumber yang autentik, iaitu sumber al-Quran, Sunah, keputusan ulama atau fatwa, qias, dan penyelidikan ilmuwan Islam yang diiktiraf. Pemaknaan bahasa Melayu berdasarkan nilai-nilai dan sumber-sumber Islam sama ada bahasa Melayu asli atau bahasa pinjaman asing, dapat membina makna sesuatu perkataan (bahasa) yang berwibawa dan dapat dipertanggungjawabkan, selain dapat memelihara makna daripada dipesongkan dan menyesatkan. Kamus ini berfungsi sebagai asas bagi proses Islamisasi bahasa Melayu dan proses islamisasi ilmu dalam bahasa Melayu itu sendiri. Peranan utama KBMI ini adalah untuk membentuk pandangan hidup Islam dan mendekatkan diri kepada keimanan dan ketakwaan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.

Sekularisasi bahasa dalam konteks perkamusan ialah makna-makna perkataan bahasa Melayu yang disenaraikan dalam kamus tanpa pertalian dengan agama. Kebanyakan kamus umum yang sedia ada (kecuali kamus-kamus istilah agama Islam), perkataan-perkataan bahasa Melayu didefinisikan tanpa pertalian agama, sedangkan perkataan-perkataan tersebut boleh diberikan makna mengikut-nilai-nilai Islam. Contohnya, perkataan *makan*, *tidur*, *baca*, *sukan* dan sebagainya didefinisikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat tanpa ada nilai-nilai Islam, seperti apa yang dilakukan oleh Raja Ali Haji hampir 160 tahun yang lepas. Pemberian dan perincian makna sesuatu perkataan ini adalah selari dengan pandangan Hashim Musa (2006:74) yang mengatakan bahawa makna sesuatu perkataan dengan sengaja diberikan, bukan dijumpai. Oleh itu, KBMI boleh memperincikan makna perkataan-perkataan yang tidak dipertalikan dengan agama oleh kamus-kamus umum yang sedia ada.

Tujuan Kajian

1. Memperincikan konsep, falsafah, objektif dan kaedah Kamus Bahasa Melayu Islamik berdasarkan Kitab Pengetahuan Bahasa.
2. Memperjelas keperluan penggubalan KBMI dalam konteks islamisasi bahasa Melayu.

Kitab Pengetahuan Bahasa Sebagai Bahasa Melayu Islamik

Sebelum menghuraikan falsafah di sebalik penggubalan BKMI, pengkaji terlebih dahulu memberikan gambaran ringkas tentang *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji. Kitab Pengetahuan Bahasa ini dihasilkan pada tahun 1858 dan ditulis dalam tulisan Jawi. Pada tahun 1928, kitab ini ditransliterasi ke dalam tulisan Rumi, dan sekali lagi dikemas kini pada tahun 1986 dengan menggunakan tulisan Rumi mengikut ejaan bahasa Melayu baharu. Kajian menggunakan *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang terkini, iaitu kamus yang dikemas kini pada tahun 1986/1987 oleh Department Pendidikan dan Kebudayaan, Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara, Pekanbaru, Indonesia. Isi kamus tersebut dipecahkan kepada dua bahagian utama, iaitu bahagian tatabahasa dan bahagian kamus atau bahagian pendefinisian senarai perkataan.

Dalam bahagian tatabahasa, Raja Ali Haji menerangkan aspek morfologi yang tertumpu pada penggolongan kata dan proses pembinaan ayat. Peraturan tatabahasa ini amat jelas dipengaruhi oleh hukum tatabahasa Arab. Hal ini dapat dilihat melalui istilah Arab, seperti *isim* (kata nama), *fi'il* (kata kerja) *huruf* (mungkin boleh dipandankan dengan *kata tugas*), *khobar* (subjek), *mubtada* (predikat) dan sebagainya. Bahagian pendefinisian perkataan pula dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu bahagian kata-kata kunci Islam yang terdiri daripada tujuh perkataan utama yang membentuk pandangan Islam. Raja Ali Haji memberikan tujuh perkataan yang menjadi asas pegangan agama Islam, dan setiap perkataan itu diberi makna secara terperinci, lengkap dan disandarkan pada sumber-sumber yang berautoriti. Tujuh perkataan itu ialah perkataan *Allah*, *Ahmad* (*Muhamamd*), *as-hab* (*para sahabat*), *akhbar* (*ualama-ulama besar*), *insan*, *al-dunia*, dan *al-akhirat*. Perkataan-perkataan Arab tersebut menjadi ilmu asas Islam, dan diperincikan dalam bahasa Melayu berdasarkan autoriti yang tertinggi, iaitu al-Quran, Hadis, dan ulama Mu'tabar. Perincian makna-makna perkataan tersebut adalah untuk mengawal makna-makna daripada diselewengkan. Dengan perincian makna sedemikian, kata-kata kunci dalam ajaran Islam dapat dipelihara dan difahami dengan betul oleh pengguna bahasa Melayu.

Menurut Hashim Musa (2004:45), Raja Ali Haji telah meletakkan tradisi pengajian bahasa Melayu berdasarkan maksud dan matlamat pengajian bahasa yang digariskan Islam. Raja Ali Haji bukan sahaja ilmuwan Melayu pertama menghasilkan karya tentang pengajian bahasa Melayu, tetapi juga telah meletakkan asas pengajian bahasa Melayu itu pada tempatnya yang sebenar, iaitu sebagai wahana untuk mencapai kebenaran hakiki yang membawa kepada ilmu makrifat (mengenal Allah SWT), keimanan dan ketakwaan. Dalam kajian ini, selari dengan cadangan penggubalan KBMI, pengkaji memetik tiga perkataan bahasa Melayu asli daripada *Kitab Pengetahuan Bahasa* sebagai contoh bagaimana perkataan diberikan makna dan perincian berdasarkan Islam. Tiga contoh perkataan tersebut adalah seperti yang berikut:

Contoh 1: Bintang

iaitu dijadikan Allah Ta'ala perhiasan langit dan banyaknya tiadalah siapa yang mengetahui akan hisabnya. Adalah bintang yang besar-besar yang berjalan beberapa banyak dan tujuh bintang pula yang mashyur diperbuat orang mengambil sempena langkah perjalanan dan pelayaran ...beberapa lagi bintang yang berjalan dan berkisar dijadikan pertandaan kiblat dan pertandaan arah angin...Syahdan segala yang tersebut itu semuanya dengan hikmat Allah yang indah-indah kemurahan mengurniai petunjuk dan nikmat bagi kita maka sayogiyanya kita semua. Syukurlah akan nikmat Allah Ta'ala serta memuji akan Dia. Serta harap akan nikmatnya dan takut akan azabnya adanya. (*Kitab Pengetahuan Bahasa*, 1986: 169-170)

Contoh 2: Bapa

iaitu laki-laki yang memperanakkan anaknya, maka adalah antara anak dengan bapak itu, makna yaitulah beberapa hakuk yakni segala hak. Apabila anak tiada menyempurnakan hakuk, jadilah ia 'akuk yakni diharga yang amat besar. Adapun hak di antara anak dengan bapanya, maka anak itu hendaklah menurut perintah bapanya itu dan tegur ajar bapanya. Maka apabila anak itu tiada mengikut suruh dan tegah bapanya. Maka jatuhlah anak celaka dan derhaka seperti yang tersebut di dalam al-Quran nul azim: Artinya: Bahwa sesungguhnya dicium bahunya dari pada perjalanan lima ratus tahun dan tiada mencium bahu surga orang yang mendurhaka mengeringtangi akan ibu bapanya dan tiada menciumnya, orang yang memutuskan kasih sayang... (*KPB*, 1986: 178)

Contoh 3: Ikan

iaitu masyhur haiwan yang di dalam laut yang dimakan oleh manusia, yang halal di makan dengan tiada disembelih seperti binatang yang ada di darat...(KPB, 1986:134)

Perkataan *bintang*, *bapa* dan *ikan* merupakan bahasa Melayu sejati dan diberikan makna berdasarkan pandangan dan ajaran Islam. Makna kedua-dua perkataan di atas dijelaskan dari segi penciptaan, fungsi, hak, kedudukan, dan hukum. Hal ini adalah sebahagian daripada asas perkamus Islam. Pengkaji sengaja tidak mengambil contoh kata pinjaman Arab daripada *Kitab Pengetahuan Bahasa* bagi memperlihatkan bagaimana bahasa Melayu boleh diberikan makna berdasarkan ajaran Islam dan sekali gus memperlihatkan proses islamisasi bahasa Melayu. Kaedah pendefinisian ini merupakan satu proses pembakuan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam, iaitu bahasa yang akan mendekatkan pengguna bahasa kepada ajaran Islam.

Berdasarkan contoh 1 di atas, perkataan *bintang* didefinisikan oleh Raja Ali Haji dengan menekankan perkara-perkara seperti *asal-usul kejadian bintang, fungsi, hikmat dan anugerah, seruan syukur dan takut kepada Allah SWT*. Raja Ali Haji memulakan definisi dengan mengatakan asal-usul bintang itu adalah ciptaan Allah SWT. Ini menunjukkan kepada pembaca bahawa bintang itu ciptaan Allah sesuai dengan sifat Allah sebagai Pencipta segala sesuatu, apa yang ada di langit dan di bumi. Selepas itu, Raja Ali Haji menunjukkan fungsi bintang itu sebagai perhiasan di langit, sebagai panduan arah angin dalam aktiviti pelayaran, dan berfungsi sebagai panduan kiblat untuk beribadah. Hal ini membawa pembaca kepada pemahaman tentang fungsi-fungsi bintang di langit, khususnya fungsi untuk beribadah. Selepas memahami fungsi-fungsi tersebut, pembaca akan dapat menghayati keindahan bintang tersebut dan sekali gus memberikan kesedaran bahawa itu semua anugerah Allah SWT kepada manusia. Di bahagian akhir, Raja Ali Haji menyeru pengguna kamus tersebut agar bersyukur dan bertakwa kepada Allah atas nikmat yang diberikan kepada umat manusia. Kaedah pendefinisian ini mendekatkan diri kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Perkataan *bapa* pula didefinisikan oleh Raja Ali Haji dengan memberikan maklumat dari segi kedudukan, hak, dan peranan antara anak dan bapa. Selain itu, beliau turut mengemukakan bukti naqli bagi membuktikan bahawa anak yang ingkar perintah ibu bapa akan mendapat balasan di akhirat. Maksud *bapa* yang didefinisikan oleh Raja Ali Haji telah memberikan kefahaman yang menyeluruh dan dapat mewujudkan hubungan yang baik antara anak dan ibu bapa. Beliau terus memberikan peringatan daripada al-Quran bahawa anak yang derhaka akan memperoleh kecelakaan dan tidak akan mencium sedikit pun bau syurga. Contoh 3 turut diberikan definisi ringkas tetapi lengkap dengan hukum. Maklumat tentang *ikan* yang diberikan telah memberikan kedudukan ikan sebagai sejenis haiwan yang halal dimakan tanpa perlu disembelih. Dengan pengertian, Raja Ali Haji telah memberikan hukum berdasarkan Islam, iaitu ikan adalah hidupan laut yang halal untuk dimakan walaupun telah mati tanpa disembelih. Hal ini berbeza dengan definisi ikan yang diberikan oleh Kamus Dewan, yang mendefinisikan ikan sebagai sejenis binatang yang hidup dalam air dan bernafas melalui insang (bertulang belakang) (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007:561).

Menurut Hashim Musa, prinsip dan kaedah penyusunan kamus oleh Raja Ali merupakan prinsip dan kaedah yang mengikut tradisi kesarjanaan Islam sebelum beliau. Kaedah pendefinisian, huraian dan pengesahan makna yang berdasarkan dalil al-Quran yang dilakukan Raja Ali Haji dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* dilihat sebagai separuh ensiklopedia. Oleh sebab Kamus Dewan yang menjadi kamus umum di Malaysia tidak meneruskan kaedah perkamusan Raja Ali Haji, maka pengkaji berpandangan bahawa generasi hari ini, khususnya ahli-ahli bahasa perlu meneruskan kaedah perkamusan sesuai dengan penggunaan bahasa Melayu hari ini.

Falsafah Umum Di Sebalik Cadangan Penggubalan KBMI

Pengkaji menggunakan maksud falsafah secara ringkas sebagai asas yang melatari cadangan penggubalam KBMI. Sebahagian besar sarjana, termasuk ahli bahasa, Awang Sariyan menerima pakai maksud falsafah sebagai cinta akan hikmah dan kebijaksanaan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menghuraikan falsafah di sebalik cadangan penggunaan KBMI. Hal ini penting bagi melihat apakah asas yang melatari dan mendorong penggubalan KBMI. Dari segi falsafahnya, pengiktirafan Islam terhadap kepelbagaian bahasa termasuklah peranan pelbagai bahasa dalam penyebaran ilmu, seperti yang dinukilkan dalam surah Ibrahim ayat

ke-4 dan surah Ar-Rum ayat ke-22, menjadi asas kepada gagasan penggubalan KBMI. Surah Ar-Rum bermaksud

“Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah menciptakan langit dan bumi, dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu, benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang mengetahui.”

(Ar-Rum, ayat 22).

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Islam memperakui kewujudan pelbagai bahasa, dan hal ini juga bermaksud Islam memperakui peranan setiap bahasa sebagai bahasa penyampaian ilmu. Surah Ibrahim ayat 4 turut memperakui peranan pelbagai bahasa sebagai penyampai ilmu, termasuk ilmu Islam. Surah Ibrahim ayat 4 bermaksud:

“Dan Kami tidak mengutuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah SWT) dengan terang kepada mereka.”

(Surah Ibrahim, ayat 4)

Ulama mentafsir ayat ini dengan maksud Islam mengiktiraf peranan bahasa lain sebagai bahasa dakwah. Bahasa Arab tetap diiktiraf sebagai bahasa utama dalam ajaran Islam kerana wahyu diturunkan dalam bahasa Arab. Namun demikian, peranan bahasa selain bahasa Arab tidak dinafikan dalam aktiviti dakwah. Hal ini terbukti semasa perkembangan Islam di peringkat awal banyak dibantu oleh aktiviti penterjemahan bahasa Arab kepada bahasa asing. Dalam konteks Islam di alam Melayu, sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam. Agama Islam disebarkan dan diterima dengan mudah oleh minda dan hati orang Melayu kerana Islam disebarkan dalam bahasa Melayu. Menurut Munif Zariruddin Fikri Nordin (2015), bahasa dan agama mempunyai hubungan simbiosis, iaitu hubungan yang saling melengkapi. Agama memerlukan bahasa untuk berkembang, manakala bahasa pula memerlukan agama untuk terus hidup. Kemasukan Islam di kepulauan Melayu telah menghidupkan bahasa Melayu, dan dalam masa yang sama, Islam mendapat tempat di dalam minda dan hati orang Melayu. Dalam konteks inilah, bahasa Melayu perlu terus diperkukuh sebagai bahasa Islam melalui pembinaan KBMI.

Bahasa Melayu telah berinteraksi dengan dunia luar, khususnya bahasa Sanskrit yang datang bersama dengan konsep dan amalan Hindu/Budha. Banyak perkataan Sanskrit yang pada asalnya berunsurkan Hindhu/Budha telah digunakan secara meluas dalam ajaran dan amalan Islam, seperti *puasa*, *sembahyang*, *dosa*, *syurga* dan sebagainya. Oleh itu, perkataan-perkataan ini perlu diislamkan melalui penggubalan KBMI. Selain itu, banyak perkataan bahasa Melayu (bukan bahasa pinjaman) didefinisikan dalam kamus sedia ada tanpa pertalian dengan agama. Contohnya, perkataan *makan*, *udang*, *minum*, *tidur*, *sampah* dan sebagainya tidak didefinisikan seperti apa yang dilakukan oleh Raja Ali Haji. Berdasarkan asas-asas yang dikemukakan di atas, penggubalan KBMI merupakan satu keperluan yang sangat penting dalam proses islamisasi ilmu dan bahasa.

Konsep KBMI Berdasarkan Kitab Pengetahuan Bahasa

Terdapat tiga perkara penting yang dikemukakan oleh Hashim Musa (2004) terhadap tradisi perkamusan Raja Ali Haji, iaitu Kitab Pengetahuan Bahasa (i) merupakan kamus yang menepati syariat Islam, kerana tujuan perkamusan itu adalah untuk mendekatkan diri kepada ilmu makrifat, ketakwaan dan keimanan, (ii) kaedah pendefinisian berdasarkan al-Quran,

Hadis dan pandangan ulama, (iii) penyusunan kamus yang menepati tradisi keserjanaan Islam terdahulu. Hashim Musa (2004) antara ahli bahasa yang telah mengangkat keserjanaan Raja Ali Haji sebagai tokoh yang sangat istimewa kerana meletakkan asas pengajian bahasa Melayu itu pada tempatnya yang sebenar, iaitu sebagai wahana untuk mencapai kebenaran yang hakiki yang membawa kepada ilmu makrifat, keimanan dan ketakwaan. Hal ini menjadi tujuan utama perkamusan Raja Ali Haji. Falsafah di sebalik KPB ini, menurut Hashim Musa tidak dapat difahami oleh ahli bahasa yang dikatakan berpendidikan Barat.

Tambah Hashim Musa lagi, KPB telah meletakkan segala sesuatu pada tempatnya yang benar. Hal ini dapat dilihat apabila KPB memilih tujuh perkataan utama yang menjadi asas pembentukan pandangan hidup Islam dalam kalangan orang Melayu. Tujuh perkataan ini diletakkan di bahagian hadapan berbanding dengan kata-kata kunci yang lain. Tujuh perkataan tersebut ialah *Allah, Ahmad, Ashab, ahbar, insan, dunia dan akhirat*. Menurut beliau, tujuh perkataan tersebut menjadi asas kepada konsep dan ilmu utama yang dikandung oleh bahasa Melayu dan ia harus dipelajari dan dimengerti oleh orang Melayu apabila mempelajari bahasanya. Dengan mempelajarinya, kita akan mengetahui kedudukan dan sifat-sifat Allah SWT. Selain itu, keserjanaan Raja Ali Haji dalam Kitab Pengetahuan Bahasa terserlah apabila beliau menghuraikan perkataan-perkataan yang digunakan di dalam bahasa Melayu, yang memberikan keutamaan kepada kata-kata kunci yang menjadi asas pembinaan pengkonsepsian tentang sistem kosmologi (alam), ontologi (wujud), dan juga epistemologi Melayu Islam (Hashim Musa, 2004:57). Raja Ali Haji yang menekankan asas penghuraian, penilaian dan pengesahan makna yang berasaskan al-Quran dan Sunah adalah selari dengan tradisi keserjanaan Islam terdahulu, seperti yang diterokai oleh Ibn Abbas r.a. dalam usaha mentafsir ayat-ayat al-Quran.

Dalam konteks ini, Hashim Musa (2004: 58-59) turut memetik penegasan yang dibuat oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas yang mengatakan bahawa huraian, penilaian dan pengesahan makna sedemikian, bahasa Arab telah memperoleh ketepatan dan ketekalan dari segi kemurnian dan kewibawaan maknanya, melalui (i) penubuhan struktur tatabahasanya yang berdasarkan satu sistem akar yang tepat/tekal, (ii) struktur semantik yang dikawal oleh satu sistem lapangan makna yang ditakrifkan secara tepat yang dapat menentukan struktur pengkonsepsian yang terdapat di dalam kosa katanya yang juga ditetapkan secara tekal oleh kaedah (i) di atas, dan (iii) perkataan, makna dan tatabahasa dan prosodi telah dirakamkan secara ilmiah/saintifik supaya terjaga ketekalan maknanya. Dengan demikian, bahasa Arab telah mencapai tahap kemurnian dan kewibawaan semantik yang boleh menyampaikan makna yang tepat dan jitu secara saintifik, terutama sekali untuk menyampaikan makna kebenaran yang mutlak dan objektif. Kemudian Hashim Musa (2004:59) membuat pengesahan sendiri bahawa adalah munasabah sekali untuk mengatakan tujuan dan maksud Raja Ali Haji menyusun dua buah buku tentang pengajian bahasa Melayu ini adalah untuk memenuhi ketiga-tiga matlamat di atas yang berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam yang ulung di rantau Asia Tenggara.

Berdasarkan kerangka konsep yang ditunjukkan oleh Hashim Musa tentang KPB, maka pengkaji menggunakan kerangka konsep tersebut dengan wajah baharu, khususnya dari segi bahasa dan tatabahasa bahasa Melayu moden. Dengan pengertian bahawa, tujuan dan kaedah pendefinisian KPB dikekalkan dalam membina Kamus BMI. Dari segi kaedah pendefinisian, berikut ialah lima contoh perkataan bahasa Melayu yang didefinisikan oleh KPB dan *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Hal ini ditunjukkan bagi memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan besar dalam pendefinisian perkataan antara kedua-dua kamus tersebut.

Jadual 1: Perbezaan pendefinisian antara *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858) dengan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007)

Kitab Pengetahuan Bahasa	Kamus Dewan Edisi Keempat
<p>Contoh 1: anak Iaitu manusia yang dijadikan oleh Allah subhana wata'ala jasadnya daripada mutfah bapaknya yang dikandung dalam rahim ibunya. Maka, manusia itu anak daripada keduanya. Dan bangsanya daripada bapaknya jua tiada daripada ibunya, kerana mutfah bapanya itu yang dijadikan anaknya itu adanya. Adalah ia majaz seperti mak bapaknya jua. (KPB:52)</p>	<p>Contoh 1: Anak i. Manusia atau binatang yang masih dalam kandungan atau baru lahir. ii. Baka yang diturunkan oleh ibu dan bapa. iii. Kanak-kanak atau budak-budak. iv. Binatang yang masih kecil... v. ...anak Negeri, anak tangga, anak buah dan sebagainya... (ms: 49)</p>
<p>Contoh 2: Air iaitu masyhur segala manusia tahu, jisim yang cair yang bermanfaat atas segala manusia dan binatang dan lainnya... tiap-tiap air disandarkan pada sesuatu dan masuk pula kepada nama air bagi ahli fuqahal, iaitu air muntallaq, dan air musta'mal, dan air makruh, dan air mukayat, dan air mukayat lazim dan air najis adanya... bermula air muntalaq itu, iaitu air yang enam perkara, mula-mula itu tersebut adapun, enam yang kemudian itu...orang yang mengambil air sembahyang.. (m/s 98)</p>	<p>Contoh 2: Air i. Cecair yang terbentuk daripada dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen (dalam keadaan yang murni tidak mempunyai warna, bau dan rasa). ii. Kumpulan cecair (seperti yang terdapat dalam sungai, tasik, laut dan sebagainya).</p>
<p>Contoh 3: Udang iaitu haiwan yang di dalam laut tiada bertulang. Adalah ia hukum ikan pada mazhab Sayfii. (halal di makan sama seperti hukum halal bagi ikan) (m/s: 113)</p>	<p>Contoh 3: Udang Sejenis binatang yang hidup di air (berkulit keras, berkaki sepuluh dan berekor).. (ms: 1755)</p>
<p>Contoh 4: Bijak iaitu perkataan atau perbuatan seseorang yang pandai mematahkan hujah seseorang yang merintangi akan dia... dapat seseorang yang dilawannya berbantah itu membatalkan perkataannya itu. Syahdan pada bahasa Melayu dibuangkan sananya dikata bijaksana, kata Arab atau Pathanah, maka yang kebanyakan bijak sana sini, iaitu kepada segala nabi-nabi dan segala aulia-aulia Allah Ta'ala, kemudian segala ulama-ulama yang shalihin kerana mereka itu mendapat petunjuk dari Allah Subhahahu Wata'ala serta faham mereka itu akan makna rahsia quranul azim, syahdan adapun bijaksana ini jatuhnya kepada yang benar dan yang baik kerana ia sifat segala nabi-nabi dan rasul-rasul... (ms:150)</p>	<p>Contoh 4: Bijak i. (sangat) pandai, cerdik dan pintar. ii. Pandai bercakap, petah lidah. iii. Sesuai, betul dan mendatangkan kebaikan.</p>

Berdasarkan Jadual 1 di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa wujud perbezaan yang ketara dalam mendefinisikan sesuatu perkataan. Kamus Dewan mendefinisikan perkataan tanpa pertalian agama berbanding dengan KPB. Namun demikian, Raja Ali Haji tidak mendefinisikan semua perkataan dengan pertalian agama, iaitu tidak semua perkataan didefinisikan menggunakan hukum dan sumber-sumber Islam. Keadaan ini telah memberikan kita ruang untuk meneruskan usaha beliau dalam membina sebuah kamus umum bahasa Melayu yang bersifat Islamik, sesuai dengan penggunaan bahasa Melayu hari ini.

Berdasarkan definisi “anak” antara KPB dengan Kamus Dewan di atas, terdapat perbezaan yang ketara. Raja Ali Haji mendefinisikan “anak” sebagai ciptaan Allah SWT, melalui pasangan suami isteri, iaitu ayah dan ibu. Manakala Kamus Dewan tidak mempertalikan kejadian anak dengan penciptaan Allah SWT, sebaliknya hanya menyebut “baka yang diturunkan oleh ibu dan bapa. Begitu juga dengan perkataan “air”. Raja Ali Haji memberikan definisi air dengan membahagikan air kepada beberapa jenis mengikut fungsinya. Kemudian menyentuh fungsi air untuk berwudhu. Hal ini tidak dilakukan oleh Kamus Dewan yang mempertalikan air dengan alat untuk beribadah. Perkataan “*udang*” turut didefinisikan sebagai haiwan yang di dalam laut tiada bertulang. Adalah ia hukum ikan pada mazhab Sayfii. (halal di makan sama seperti hukum halal bagi ikan)”. Kamus Dewan mendefinisikan dengan memberikan ciri-ciri fizikal udang, tetapi tidak menetapkan hukum halal untuk dimakan oleh orang Islam. Perkataan “bijak” dikaitkan dengan dengan sifat-sifat yang ada pada para nabi, dan ulama-ulama (pewaris nabi), para ilmuwan yang mendapat petunjuk daripada Allah SWT. Hal ini menunjukkan betapa tingginya nilai “bijak” yang didefinisikan oleh Raja Ali Haji.

Oleh sebab bahasa Melayu semakin berkembang dengan penambahan kata-kata serapan asing sejak 160 tahun yang lepas, maka banyak perkataan yang terdapat di dalam Kamus Dewan yang tidak ada dalam KPB. Jumlah perkataan dalam KPB hanya sekitar 2000 perkataan, manakala Kamus Dewan dianggarkan 83000 patah perkataan. Oleh itu, pengkaji akan memilih tiga perkataan daripada Kamus Dewan yang tidak ada dalam KPB; kemudian mendefinisikan semula perkataan tersebut mengikut kaedah KBMI. Hal ini dilakukan untuk memperlihatkan bahawa senarai perkataan bahasa Melayu yang dipilih berpotensi untuk “diislamkan” melalui penggubalan KBMI. Maksudnya ialah ribuan perkataan bahasa Melayu (sama ada kata bahasa Melayu asli atau kata pinjaman asing) yang disenaraikan dalam Kamus Dewan berpotensi diislamkan melalalui KBMI. Tiga contoh adalah seperti berikut.

Jadual 2: Islamisasi Bahasa Terhadap Tiga Perkataan Bahasa Melayu melalui KBMI

Kamus Dewan	Kamus Bahasa Melayu Islamik
<p>Telefon pesawat ~ alat untuk bercakap dengan orang di tempat jauh atau di tempat lain (dengan menggunakan tenaga elektrik dan kawat). Percakapan menerusi pesawat telefon</p>	<p>Telefon Telefon ialah alat elektronik untuk tujuan berkomunikasi antara dua pihak atau lebih yang berjauhan, sama ada menggunakan wayar atau tanpa wayar. Telefon bimbit pada hari ini bersifat multifungsi, kerana ia boleh mengakses internet yang mengadungi pelbagai maklumat negatif dan positif. Ia juga boleh memuat naik dan memuat turun gambar dan rakaman video. Dari sudut hukum, penggunaan telefon tidak bertentangan dengan Islam sekiranya ia digunakan untuk kebaikan, seperti menyebarkan ajaran Islam, mengembangkan</p>

	<p>ilmu pengetahuan dan sebagainya. Namun demikian, ia menjadi haram apabila digunakan untuk tujuan keburukan dan maksiat, digunakan secara berlebihan sehingga melakukan pembaziran masa dan wang ringgit, dan melalaikan pengguna daripada beribadah.</p>
<p>Makan - makanan Satu perbuatan memamah dan menelan makanan, mengunyah (menelan, melulur, menghisap makanan).</p>	<p>Makan/memakan Perbuatan memamah, memakan, mengunyah dan menelan makanan. Umat Islam hendaklah memakan makanan daripada sumber yang halal, makanan-makanan yang telah dibolehkan dimakan oleh Islam, dan hendaklah cara pemprosesan makanan mengikut syariat. Sumber makanan yang halal bermaksud makanan yang diperoleh secara betul, tidak mencuri, bukan daripada sumber rasuah dan sebagainya. Makanan yang halal dimakan bagi umat Islam ialah ayam, daging kambing, lembu, rusa, pelbagai jensi sayuran dan sebagainya. Makanan yang haram dimakan ialah khinzir, anjing, kucing dan sebagainya. Makanan yang halal dimakan hendaklah disembelih dengan cara yang betul seperti yang ditetapkan oleh Islam. Sunah atau cara Rasulullah makan adalah “<i>makan sebelum lapar, berhenti sebelum kenyang</i>”. Rasulullah juga telah bersabda bahawa “<i>antara perkara yang paling dibenci oleh Allah SWT ialah perut yang ketat dengan makanan yang halal</i>”.</p>
<p>Sukan 1. Segala kegiatan yang memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga, seperti berenang, berlari, permainan bola sepak, tenis dan sebagainya. 2. Maksud kedua ialah sejenis tumbuhan.</p>	<p>Sukan Segala kegiatan yang memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga, seperti berenang, berlari, permainan bola sepak, tenis dan sebagainya. Islam tidak mengharamkan sukan selagi ia mengikut batas-batas syariat. Islam melarang sukan yang ada unsur-unsur perjudian, mendedahkan aurat, penipuan dan sebagainya. Selain itu, sukan juga hendaklah tidak sampai melalaikan manusia (ahli sukan dan peminat sukan), contohnya mengabaikan solat fardu, meraikan kemenangan sukan dengan minuman keras (selalunya dalam sukan permotoran). Sukan juga hendaklah dengan niat yang betul, iaitu dengan niat merapatkan siraturahmi antara ahli sukan, antara peminat, institusi dan negara. Rasulullah juga sentiasa bersukan, seperti sukan memanah, berlari dan menunggang kuda.</p>

Berdasarkan tiga contoh di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pendefinisian KBMI berupaya membina satu pandangan hidup Islam dalam kalangan pengguna kamus tersebut. Hal ini kerana, makna setiap perkataan dikaitkan dengan sumber-sumber dan nilai-nilai Islam. Contohnya, perkataan “telefon” yang dipinjam daripada perkataan Inggeris didefinisikan dengan mengambil kira pandangan Islam, dari segi hukum penggunaan telefon bimbit. Dengan perkataan lain, Islam tidak menolak alat komunikasi tersebut, sebaliknya KBMI ini meletakkan alat tersebut pada tempatnya yang benar. Begitu juga dengan perkataan “makan” boleh diislamkan oleh KBMI dengan memberikan maklumat ringkas tentang

sumber makanan dan cara makan berdasarkan sumber-sumber yang sahih. Makna *sukan* yang menjadi fenomena dunia pada hari ini boleh diislamkan dalam KBMI. Ribuan perkataan lain dalam Kamus Dewan boleh diislamkan melalui kaedah pemaknaan KBMI, seperti perkataan *sampah* boleh dipertalikan dengan konsep keimanan; makna *gurau* diislamkan dengan maklumat ringkas tentang batas-batas gurau dalam Islam, makna politik diislam dengan mengatakan bahawa Islam tidak menolak politik, dan sebagainya. Secara ringkas, KBMI memberikan perincian terhadap sesuatu perkataan dengan tepat dan ringkas, autentik dan boleh dipertanggungjawabkan. Oleh itu, pembinaan KBMI merupakan satu keperluan untuk memenuhi proses islamisasi ilmu dan bahasa Melayu, dan sebagai satu usaha membentuk pandangan hidup Islam dalam bahasa Melayu.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Raja Ali Haji telah meninggalkan satu tugas besar kepada generasi hari ini untuk meneruskan usaha beliau. Beliau telah meletakkan asas yang kukuh dalam kegiatan perkamusan yang menepati syariat Islam. KBMI yang diusahakan ini merupakan satu usaha untuk meneruskan tradisi perkamusan beliau, dalam konteks bahasa Melayu moden pada hari ini. Selepas KPB, pengkaji tidak menemui sebuah kamus umum yang meneruskan tradisi perkamusan Raja Ali Haji, iaitu sebuah kamus islamik yang berupaya membawa pengguna kamus kepada ilmu makrifat (ilmu mengenal Pencipta), keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Al-Fatihah buatmu, Raja Ali Haji, ilmuwan Melayu Nusantara abad ke-19.

Bibliografi

- Abd Ganing Laenggang, 2010. *Kesantunan Bahasa dalam Ceramah Motivasi*. Ijazah Sarjana, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Abd Ganing Laenggang, 2016. *Islamisasi Bahasa Melayu Dalam mendepani Sekularisasi: Mencadangkan Penggubalan Kamus Bahasa Melayu Islamik*. Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. 21-22 Mei 2016.
- Abdul Halim Mahmud, 1978. *Islam dan Akal*. Diterjemahkan oleh Mohd. Fakhruddin Abd Mukti. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2007. *Perkembangan Falsafah Bahasa dan Pemikiran Bahasa dalam Linguistik*. Petaling Jaya. Susbadi Sdn Bhd.
- Hashim Musa, 2004. *Pengajian Bahasa Melayu Sebagai Wahana ke Arah Pencapaian Ilmu Makrifat dan Ketakwaan*. Dlm Darwis Harahap, Mutiara Budi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Hashim Musa, 2006. *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa, et al (2013). *Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol. 20. No 1. (2013), 1-22.
- Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM) dan Klasika Media, 2012. *Makna, Falsafah dan Peranan Bahasa dalam Pendidikan*. *Seminar Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 28 Jun 2012.

- Ian Richad Netton, 1992. *A popular Dictionary of Islam*. London: Curzon Press.
- Ibrahim Hj Ahmad, 2015. *Asas Ilmu Pekamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kabul Astuti, 2012. *Pengaruh Deislamisasi Bahasa Terhadap Perilaku Bangsa*. Seminar Nasional Bahasa dalam Dimensi Kemasyarakatan dan Kebudayaan. Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jakarta. 10-11 Disember 2013.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul, 2010. *Falsafah Pendidikan Bahasa*. Tanjong Malim: Emeritus Publication.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin, 2003. *Sekularisasi Bahasa Belum Berakhir*. Dlm Majalah Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Muka surat 28-33.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin, 2015. *Dimensi Bahasa dalam Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Ali Haji, 1986. *Kitab Pengetahuan Bahasa: Yaitu Kamus Loghat Melayu Johor Pahang Riau Lingga*. (transliterasi oleh R. Hamzah Yunus), Pekan Baru: Departamen Pendidikan dan Kebudayaan Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2010. *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan.